

UNIMAS kekal **5 bintang** penarafan SETARA 2019



Putrajaya : Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengumumkan keputusan penarafan IPT Malaysia 2018/2019 baru-baru ini. Keputusan penarafan ini sememangnya ditunggu-tunggu setelah ianya tertanggu beberapa kali disebabkan pertukaran tarikh dan mekanisme auditan tapak selain kekangan pandemik Covid-19.

Sekretariat Penarafan Universiti dan Kolej Universiti (SETARA) 2019 dalam satu kenyataan memaklumkan penyerahan sijil dan scorecard SETARA telah dilaksanakan pada 1 Mac 2021. Dalam penarafan terbaharu ini, UNIMAS berjaya mengekalkan status **5 BINTANG** dalam kategori Mature University bersama-sama 14 IPT lain.

Prestasi UNIMAS berada di tahap terbaik penanda aras (top ten percentile - benchmark and above) bagi beberapa KPI yang dinilai antaranya Net income ratio OR current ratio; Student satisfaction index (Teaching); Student satisfaction index (Facilities and support); and Number of KTP programs/projects.

Penarafan SETARA dinilai melalui 38 indikator yang merangkumi empat (4) fungsi teras utama iaitu umum (General), pengajaran dan pembelajaran (P&P) (Teaching and Learning), penyelidikan (Research) dan perkhidmatan (Services). Penilaian ini merangkumi 3 kategori institusi iaitu Mature University (IPT 15 tahun ke atas), Emerging University (IPT 15 tahun atau kurang) dan Kolej Universiti Swasta.

Audit tapak oleh Juruaudit SETARA-19 yang dilantik KPT telah dilaksanakan dalam beberapa fasa sepanjang April - Ogos 2020 secara desktop / virtual audit dengan mengekalkan kualiti audit berbandukan ISRS400 (Agreed upon Procedure).

Kekangan pelaksanaan audit ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) menjadi cabaran utama sekretariat SETARA UNIMAS pada ketika itu yang diselaraskan oleh SQRC. SYABAS dan TAHNIAH kepada seluruh warga UNIMAS di atas penarafan ini.

Lagi Penarafan 5 bintang untuk MyMoheS UNIMAS

Putrajaya : Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (BPPD), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengadakan Mesyuarat Kualiti Data Sistem MyMoheS Bil.1/2021 pada 10 Mac 2021.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Bahagian, Ts. Salwati bt Badroddin dijalankan melalui persidangan video manakala UNIMAS diwakili SQRC selaku Sekretariat MyMoHES UNIMAS.

Terdahulu pihak Unit Pengurusan Data, BPPD, KPT merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan

oleh pihak Universiti Awam (UA) dalam proses penghantaran data pelajar bagi *cut-off date* 15 Disember 2020 serta data staf, R&D&C dan Maklumat Institusi bagi *cut-off date* 31 Disember 2020.

Penilaian dan penarafan bintang MyMoheS dibuat melalui tiga (3) kategori iaitu masa penghantaran, kualiti data dan kesempurnaan data.

Dalam analisa laporan yang dibentangkan pada mesyuarat ini, UNIMAS telah mendapat 100% bagi masa penghantaran, 99.85% bagi kesempurnaan data dan 99.91% bagi kualiti data. Sehubungan itu, UNIMAS telah diberikan

penarafan **5 bintang** dalam kategori Universiti Komprehensif.

Pihak Universiti masih diberi peluang untuk membuat pembetulan dan penambahbaikan sehingga tarikh akhir yang dibenarkan sebelum penarafan sebenar diumumkan selepas itu.

TAHNIAH MyMoheS UNIMAS..!



Hands on Risk Register bantu Pengurus Risiko PTj

Kota Samarahan : Unit Pengurusan Risiko, SQRC dari semasa ke semasa mengadakan sesi konsultasi pengurusan risiko kepada PTj yang memerlukan. Terbaharu, sesi *Hands on Risk Register* telah diadakan pada 1 Mac 2021 di Bilik Mesyuarat SQRC. membantu para Pengurusan Risiko PTj dalam memperhalusi dokumen risiko masing-masing. *Hands on Risk Register* diadakan untuk memberi pendedahan secara khusus kepada Pengurus Risiko PTj berhubung Daftar Risiko dan Daftar

Khidmat konsultasi oleh Pe- Peluang.

nolong Pendaftar Kanan, Pn Antara Pengurus Risiko PTJ Dayang Zuliana Abang Abdulk Rahman dan Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Pn Adeline Ann Lubis yang hadir pada sesi kali ini ialah dari BPSM, CALM, Bapegawai Keselamatan, Fakulti Alam Bina dan UNIMAS Ap- sememangnya banyak prentice.



KPT anjur Bengkel OBB

Putrajaya : Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (BPPD), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 4 Mac 2021 telah menganjurkan Bengkel Penyelarasan Kerangka Keberhasilan Bajet Berasaskan Outcome (OBB) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Bagi Persediaan Permohonan Belanjawan Tahun 2022.



Bengkel sehari ini dijalankan secara atas talian menerusi *platform google meet* dan dikendalikan oleh YBrs Dr Mohd Zabri Yusuff, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT. Semua agensi di bawah KPT menyertai bengkel berkenaan dan UNIMAS telah diwakili oleh para pegawai dari Pejabat Bendahari dan SQRC.

Pelaksanaan OBB adalah selaras dengan perkara 3.1.1 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB 1.1 - Bajet Berasaskan Outcome iaitu setiap Kementerian perlu menyediakan satu mekanisme berstruktur bagi menterjemahkan dasar dan konsep Tonggak Transformasi Nasional kepada outcome dan keberhasilan melalui pelaksanaan Program dan Aktiviti yang berkesan.



Operasi Nyahcemar di Pejabat SQRC

Kota Samarahan : SQRC telah mengambil inisiatif untuk menjalankan proses nyahcemar pada 3 Mac 2020.

Operasi dengan kaedah *disinfection fogging* melibatkan keseluruhan ruang pejabat am, bilik mesyuarat dan bilik fail.

Terima kasih team Coway - Sdr Abg Muhammad Ubaidullah Abg Arif, Sdr Mohd Faiz Husain Jamali dan Sdr Fazreelizam Abdulrahman.



Tahniah Atas Pelantikan



Dr Mohd Kamal bin Othman

Ketua Strategi

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

(1 Dis 2020 - 30 Nov 2022)

Penglibatan SQRC dalam ANC 2021

Kota Samarahan : SQRC telah diberi mandat untuk menyelaras Jawatankuasa Jamuan ketika Amanat Naib Canselor 2021 pada 18 Feb 2021.

Pihak UNIMAS Global turut menzahirkan penghargaan dan terima kasih atas penglibatan semua dalam menjayakan Amanat Naib Canselor pada tahun ini.



SQRC terima pelajar Latihan Industri

Kota Samarahan : SQRC telah imba kemahiran pengaturmenerima penempatan caraan komputer yang di seorang pelajar bagi Program perlukan sesuai dengan bi-Latihan Industri bermula 8 Mac 2021 dan pengajian beliau.

2021. Mohammad Amirezza bin Aziz merupakan pelajar jurusan *information system* dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat UNIMAS. Beliau akan diselia oleh Pn Dayang Mazina Awang Batu di bawah Unit Penarafan dan Sistem Pengurusan Maklumat. Semoga Sdr Amir dapat men-



Sekalung Penghargaan & Tahniah



Puan Ervina Junaidi


Ketua Strategi, Fakulti Kejuruteraan
yang telah tamat tempoh pada 28 Feb 2021.

**Beliau dilantik sebagai
Timbalan Dekan**

(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Fakulti Kejuruteraan

berkuatkuasa 1 Mac 2021 - 28 Feb 2023





Kalendar Aktiviti



Februari 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	QS World University Ranking	Data submission to QS hub	3/2/2021
2	Academic & Employer List	Submission to QS hub	3/2/2021
3	Perbincangan Bersama UG	THE Enhance Profile	4/2/2021
4	Bengkel Pengurusan Risiko	Pengurus Risiko PTj	8-9/2/2021
5	Mesyuarat JSKU	Bil.01/2021 Ke-20	22/2/2021
6	THE Award Asia 2021	Submission of nomination	24/2/2021
7	Mesyuarat JK ISMS	Bil.01/2021	24/2/2021

Mac 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Hands On Risk Register	Daftar Risiko	1/3/2021
2	Bengkel Penyelarasan Kerangka OBB	Persediaan Belanjawan 2022	4/3/2021
3	Mesyuarat Kualiti Data MyMoheS KPT	Bil.01/2021	10/3/2021
4	Mesyuarat JKPR	Bil.01/2021	25/3/2021
5	QS Asia University Ranking (AUR)	Data submission to QS hub	26/3/2021
6	THE World University Ranking (AUR)	Data submission to THE	30/3/2021